

SKIM PERKHIDMATAN	:	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	SISTEM MAKLUMAT	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA	
TARAF JAWATAN	:	TETAP/ KONTRAK	
GRED	:	FA29	
KEKOSONGAN	:	3 (TIGA)	
JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
		RM1,549.00	RM5,684.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT FA29

- (c)
 - (i) Sijil
Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(Gaji permulaan pada Gred FA29 ialah: RM1,549.00);
 - (ii) Sijil
Sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,549.00)

(iii) Diploma

diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,855.00)

(iv) Diploma

diploma dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,929.89)

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan
 - (b) Had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN** **4.** Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN** **5.** Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN** **6.** Pegawai boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh ketua Jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/ PEPERIKSAAN** **7.** Pegawai dalam tempoh percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** **8.** Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :
- (a) Memenuhi tempoh percubaan
 - (b) Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) Diperakukan oleh ketua Jabatan/ Perkhidmatan
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN** **9.** Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN** **10.** (a) Imbuhan Tetap Perumahan
(b) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
(c) Bantuan Sara Hidup